

KERATAN AKHBAR

JUDUL : Utusan Malaysia

TARIKH : Rabu, 16 Januari 2013

M/S : 4

MUKA 4 • UTUSAN MALAYSIA

Dalam Negeri

Sistem kewangan Islam perlu dibangun secara lebih komprehensif - Raja Nazrin

KUALA LUMPUR 15 Jan. - Sistem kewangan Islam yang semakin berkembang perlu dibangunkan secara lebih komprehensif bagi menampung permintaan pelanggan yang semakin bertambah serta menyaingi sistem kewangan konvensional sedia ada.

Pemangku Raja Perak, Raja Dr. Nazrin Shah bertitah, walaupun Malaysia bermula baik dalam sistem kewangan Islam, sektor tersebut masih perlu memperkemas instrumen kecairan pasaran kedua bagi mewujudkan keadaan pasaran cekap dan penentuan harga yang tepat.

Selain itu, titah baginda, sektor tersebut juga perlu menawarkan kemudahan tarikh matang hutang lebih panjang untuk muncul sebagai alternatif berdaya maju berbanding sistem kewangan konvensional.

"Lebih banyak usaha perlu dilakukan untuk merangka dan mempromosikan instrumen kewangan yang berupaya menguruskan risiko.

"Kerangka perundangan dan pe-



RAJA Dr. Nazrin Shah (kanan) berkenan merasmikan buku *An Introduction to Islamic and Conventional Corporate Finance* di Kuala Lumpur, semalam. Turut kelihatan, Dr. Nik Norzrul Thani. - BERNAMA

ngawalseliaan perlu bertindak balas terhadap persekitaran yang sering berubah-ubah," titah baginda

ketika melancarkan buku *An Introduction to Islamic and Conventional Corporate Finance* (Penge-

nalan Kepada Kewangan Korporat Islam dan Konvensional) di sini hari ini.

Raja Dr. Nazrin yang juga Duta Kewangan Pusat Kewangan Islam Antarabangsa (MIFC) bertitah, negara mempunyai kelebihan dalam bidang kewangan Islam seperti rantaian nilai lengkap hasil usaha kerajaan melabur dalam pemberian dana dan penyelidikan, pendidikan dan latihan serta pembangunan produk dan promosi.

"Usaha promosi kewangan Islam disifatkan sebagai kewajiban agama yang bukan sahaja menguntungkan ummah tetapi berpotensi buat semua umat manusia," titahnya.

Dalam pada itu, buku terbitan Sweet & Maxwell Asia tersebut ditulis secara bersama oleh tujuh penulis yang merupakan peguam serta bekas peguam dari firma Zaid Ibrahim & Co, termasuk Datuk Dr. Nik Norzrul Thani.

Kata Nik Norzrul, konsep penghasilan buku berkenaan adalah bagi menyediakan gambaran asas mengenai amalan perundangan korporat dan pelaburan kewangan, khususnya yang relevan di negara ini.